

Russia dijangka guna Pocpa import kelapa sawit

BH 13 AUG 2001

LUMLJT. Ahad - Russia dijangka menggunakan kemudahan pinjaman melalui Kemudahan Pembayaran Kredit Minyak Sawit (Pocpa) sebanyak RM228 juta (AS\$50) juta bagi mengimport 200,000 tan minyak kelapa sawit dari negara ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pihaknya berharap satu perjanjian persefahaman dapat ditandatangani bagi tujuan itu ketika lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu bulan depan.

"Perbincangan awal mengenai perjanjian itu sudah dilakukan apabila saya melawat Russia April lalu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan Umno bahagian Beruas di Hotel Lead-View, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beruas, Datuk Hamdi Abu Bakar.

Dr Lim berkata, pihaknya juga yakin, paras harga minyak kelapa sawit yang mencecah RM1,250 setan pada masa ini dapat dikekalkan.

"Paras ini bergantung kepada beberapa faktor iaitu mengekalkan stok setiap bulan pada paras yang dianggap peniaga sebagai tidak terlalu tinggi.

"Kita juga perlu merasionalkan pengeluaran mengikut kehendak pasaran dengan mengadakan pergerakan yang agresif untuk skim tanam semula kelapa sawit. Kajian lebih lanjut juga perlu bagi mencari kegunaan lain minyak kelapa sawit selain sebagai bahan bakar dan bahan api," katanya.

Beliau berkata, harga minyak kelapa sawit dapat dikekalkan menerusi pembukaan pasaran baru selain mengekalkan pasaran tradisi seperti India dan China.

"Pengurangan kuota import ke pasaran China patut diatasi menerusi lebih banyak perjumpaan dengan pihak China. Dengan kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), kuota itu boleh ditingkatkan," katanya.